


DATE: 03/10/2007

Kepemimpinan Malaysia berprinsip

Kesederhanaan buat keputusan berlandas agama jamin wawasan tercapai



DI New York, minggu lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah menyatakan bahawa masalah perpecahan di Palestin antara Hamas yang menguasai Gaza dan Fatah di kawasan Tebing Barat tidak perlu dijadikan isu antarabangsa yang memerlukan campur tangan pihak luar untuk menyelesaikannya. Baginya, sebarang rundingan termasuk sidang kemuncak keamanan, November depan mesti mengambil kira Palestin sebagai sebuah negara yang tidak terbahagi dua.

Dalam apa juga isu mengenai kedudukan negara Islam, dunia mengiktiraf kenyataan Abdullah kerana beliau bercakap atas platform yang mewakili sebuah pertubuhan Islam terbesar di dunia - Pertubuhan Perundangan Islam (OIC), atas kedudukannya sebagai pengerusi pertubuhan itu. Ini jelas menunjukkan beliau mempunyai kredensial untuk bercakap soal negara Islam dan isu berkaitan Islam, tambahan pula beliau dikenali sebagai pengasas Islam Hadhari di Malaysia yang kini sudah mula mendapat perhatian dunia termasuk dari negara bukan Islam.

Jika di Malaysia beliau bercakap dalam apa juga isu di negara ini, skop beliau adalah dalam konteks pemimpin Malaysia. Tetapi, apabila beliau bercakap soal Islam dalam konteks kedudukannya sebagai Pengerusi OIC, beliau bercakap atas landasan seorang pemimpin negara-negara Islam. Jika apa yang dinyatakannya itu serius, bermakna dunia seharusnya menganggap kenyataannya itu dengan serius, tambahan pula kenyataan itu dibuat sewaktu beliau berada dalam suasana Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Apa yang dilakukan Abdullah ini mempunyai kaitan yang rapat dengan pembabitan seorang pemimpin politik terhadap persekitarannya. "Pembabitan dalam politik" oleh seseorang pemimpin adalah satu ibadat. Jika hendak didefinisikan maksud "babitan dalam politik" itu, antara lain ia menunjukkan si-

kap terhadap keutamaan negara termasuk pada peringkat antarabangsa.

Isu yang dicakapkan Abdullah semanganya menjadi salah satu keutamaan negara memandangkan Malaysia sudah lama dan konsisten memperjuangkan hak rakyat Palestin demi mewujudkan keadilan dunia. Mungkin isu Palestin ini lebih condong kepada isu agama. Namun, ini tidak bermakna keutamaan lain diabaikan. Malaysia turut memberi keutamaan kepada soal politik, ekonomi, sosial yang membabitkan hubungan antarabangsa. Sikap prihatin kepada negara asing ini jelas menunjukkan pemikiran pemimpin sesebuah negara. Dalam konteks ini, apa juga sikap yang diambil oleh Abdullah adalah menjadi sikap rakyat Malaysia. Ia selaras dengan penentuan arah tuju negara yang biasanya, antara lain membabitkan:

- Kegiatan berhubung arah perjalanan negara, kepemimpinan negara, tahap sokongan masyarakat terhadap sesuatu kepercayaan,
- Bentuk kesinambungan pencapaian matlamat pembangunan negara,
- Keutamaan negara termasuk pada peringkat antarabangsa,
- Menggunakan pelbagai sumber negara untuk matlamat tertentu,
- Membentuk pewaris kepemimpinan.

Secara ringkas, pembabitan dalam politik memerlukan mengemblem segala keupayaan rohani, jasmani, akli, moral, emosi, material dan lain-lain untuk membuat pemilihan, walaupun ada kalanya ia mempunyai implikasinya tersendiri.

Malaysia yang kini sudah diterajui lima Perdana Menteri ternyata mempunyai kesinambungan pemikiran yang jelas. Pemimpin negara tidak akan berkompromi dalam isu halal dan haram, tidak akan melakukan tindakan yang mempunyai risiko yang tinggi, memastikan kepentingan generasi semasa dan akan datang tidak terjejas, menilai kepentingan negara dan antarabangsa dan sebagainya mengikut kepentingan rakyat dan negara.

Atas dasar ini kelima-lima Perdana Menteri bermula dari Allahyarham Tunku Abdul Rahman Putra Alhaj, Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein, Allahyarham Tun Hussein Onn, Tun Dr Mahathir Mohamad dan kini Abdullah mengamalkan kesederhanaan dalam apa juga keputusan dan tindakan mereka.

Setakat ini, sebarang pembabitan negara tidak pernah dipersoalkan hingga menjejaskan imej negara kerana kelima-lima pemimpin negara memahami soal sistem nilai dan prinsip yang menjadi landasan tindakan mereka. Adalah jelas bahawa sebarang kegiatan politik dan cara atau pendekatan yang digunakan oleh pemimpin negara sentiasa berteraskan kepada niat yang diredai oleh Allah SWT. Niat dan cara yang mendapat keredaan Ilahi adalah syarat asas sebelum sesuatu itu boleh diterima sebagai ibadat.

Pembabitan dalam politik untuk diterima sebagai ibadat sewajarnya perlu mendapat keredaan Allah SWT, menepati sebaik mungkin tuntutan agama, mencerminkan sifat keIslaman semantap mungkin, meletakkan pencapaian duniawi sebagai pelaburan ukhrawi, tidak memisahkan label 'ahli politik' dari label 'Muslim' dan mencontohi kecermerlangan prestasi seperti yang disaksikan dalam sejarah kegemilangan Islam.

Faktor yang boleh mempengaruhi gelagat seseorang ahli politik tidak berbeza seperti wujud dalam masyarakat lain. Ia tidak terbatas kepada masyarakat Islam semata-mata. Perbezaan utama terletak pada landasan yang diguna apabila sesuatu pilihan dan tindakan yang hendak dilakukan. Bagi Muslim, mereka mesti mengikut landasan yang menepati landasan Islam, meskipun tidak semestinya landasan itu berlabelkan Islam, asalkan tindakan itu tidak bercanggah dengan Islam.

Kesinambungan pemikiran dan tindakan pemimpin sudah menjadi amalan turun temurun pemimpin Malaysia. Ini mudah difahami kerana sesiapa saja yang lebih awal menerajui negara ini sering menjadi golongan mentor untuk pemimpin berikutnya. Tambahan pula mereka mempunyai pemikiran yang tidak jauh berbeza hasil pergaulan bersama, keadaan persekitaran, pendedahan awal, persediaan kekuatan peribadi secara menyeluruh, mekanisme pengawasan dan pengawalan, contoh ikutan yang wujud, duluan politik (political precedents), arus pemikiran politik yang utama bagi sesuatu masa, sentimen majoriti, rekod pencapaiannya dari semasa ke semasa dan kekuatan mengatasi halangan dan rintangan yang mungkin wujud.

Pergerakan positif dalam setiap faktor ini menghasilkan natijah pemikiran, tindakan dan gelagat politik yang mendekati

hasrat Islam.

Pemimpin politik sering diingatkan bahawa tindakan politik mereka, malah pembabitan mereka dalam politik adalah suatu ibadat yang serius dan bukan boleh dipermain-mainkan. Manusia boleh ditipu, tetapi Allah SWT tetap menyedari apa yang tersirat. Oleh itu, amat penting bagi ahli politik untuk sentiasa memeriksa hati dan sanubarinya supaya jika berlaku kesilapan pun, ia dapat diminimumkan dengan peringatannya yang konsisten.

Allah SWT tidak mengharapkan lebih dari apa yang mampu dilakukan oleh seseorang pemimpin. Tetapi, apa yang mesti jelas ialah kemampuan untuk melakukan sebaik mungkin dalam apa juga kekurangan yang wujud. Ketelusan menjawab dengan yakin dan jujur adalah barometer percubaan melakukan sebaik mungkin sudah pun cuba dilaksanakan. Wadah politik mesti dianggap sebagai wadah berdakwah. Berpolitik itu sendiri adalah satu bentuk dakwah. Sekiranya elemen dakwah ini dipisahkan dari konsep dakwah, bermakna amalan politik yang dihasilkan tidak banyak bezanya dari amalan politik Barat, lebih-lebih lagi yang berteraskan falsafah Michiavelli, di mana "matlamat mengharuskan cara".

Kesimpulannya, dapatlah difahami bahawa amalan politik hari ini memerlukan pada sinergi yang mendukung teras dan wawasan yang sama, atau ringkasnya menuju pada segala yang baik dan menjauhi segala yang boleh merosakkan, di mana sinergi ini datang dari pelbagai pihak berpengaruh dalam arena politik.

Jika politik ingin dimuliakan sebagai satu wahana yang jelas sifat ibadatnya terhadap apa yang diredai Allah SWT, maka pihak yang terbabit dalam sinergi ini juga mesti berusaha menjaga kemuliaan dan kesahihan diri. Perlu diingat bahawa rosaknya seseorang ahli politik mungkin juga disebabkan kesan dan pengaruh yang tidak semestinya berpunca dari dunia politiknya saja. Jika arus baik yang datang dari kalangan politik bertentangan dengan arus buruk yang lebih kuat dari luar arena politik, maka tidak hairan jika apa yang akan berlaku bertentangan dengan kemuliaan yang dihasratkan oleh ahli politik berkenaan.

Datuk Dr Mohd Radzi Abdul Latif adalah Presiden Yayasan Kajian dan Strategi Melayu (YKSM)